

# PM bawa khabar gembira ketika kunjungi Sabah

Oleh Lichong Angkui

PASTINYA malam kelmarin, resort eksklusif di pinggir bandar raya Kota Kinabalu - Sutura Harbour - mendapat bisnes luma-yan. Ruang dewan utamanya yang pada kebiasaan hanya memuatkan 3,000 tetamu, terpaksa dipadatkan untuk menampung tetamunya yang ramai, sebahagiannya datang dari luar kota.

Oleh kerana ia masih tidak dapat menampung jumlah tetamu - mengikut anggaran penganjur lebih 4,000 orang, bahagian beranda dewan terpaksa disusun meja dan pintu masuk tidak lagi ditutup supaya semua yang hadir mendapat tempat.

Di luar dewan, lalu lintas begitu sesak dengan kenderaan berderetan sepanjang jalan sejauh beberapa kilometer. Malah, ketika acara bermula kira-kira jam 8 malam, ramai lagi tetamu terpaksa berdiri.

Mereka datang dari jauh dan dekat ke resort berkenaan semata-mata mahu bersama Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, pada majlis makan malam kesyukuran kemenangan Barisan Nasional (BN) dalam pilihan raya umum, Mac lalu.

Demikianlah pancaran semangat tinggi rakyat pelbagai kaum di Sabah yang datang beramai-ramai, tanpa memikirkan soal kesesakan lain lintas dan sama ada dapat tempat duduk atau tidak, semata-mata untuk meraikan kedatangan Perdana Menteri.

Kunjungan sehari Abdullah itu sememangnya dinantikan pemimpin politik, khususnya kerabat BN yang mahu mendengar amanatnya pada kunjungan pertama selepas berakhir pilihan raya.

Dalam mukadimah ucapannya, Abdullah secara berseloroh berkata beliau 'didenda' oleh Ketua Menteri Datuk Seri Musa Aman, gara-gara sudah lama tidak berkunjung ke negeri itu.

Katanya, kunjungan terakhirnya ke Sabah ialah November tahun lalu dan denda yang dimaksudkannya ialah beberapa permintaan yang dikemukakan oleh Musa dalam perbincangan empat mata pada sebelah pagi.

Tanpa menyebut secara terperinci permintaan yang dikemukakan, Perdana Menteri berkata, semuanya adalah berkaitan usaha membantu pembangunan Sabah.

"Saya didenda kerana lama tak datang ke Sabah...saya cuba untuk selalu datang," katanya disambut tepukan gemuruh hadirin yang begitu khusyuk mendengar setiap ungkapan kata-kata yang dilafazkan.

Kemudian, Abdullah sekali lagi mendapat tepukan gemuruh apabila beliau membaca pantun yang ditulisnya secara spontan berbunyi:

Balik ke kampung mencari berangan,  
dapat segantang buah pulasan,  
kerana kita satu perjuang,  
saya datang bertemu tuan.

**Kerajaan komited tidak meminggirkan negeri itu daripada arus perdana pembangunan meliputi semua aspek, termasuk pendidikan dan satu daripada yang ditekankannya ialah usaha membasmi kemiskinan tegar di Sabah yang disasar untuk dihapuskan dalam tempoh lima tahun**

Pantun berkenaan dibuatnya sebagai menjawab pantun Musa ketika menyampaikan ucapan alu-aluan yang berbunyi:

Kalau bukan kerana bintang,  
tidaklah bulan terbit tinggi,  
kalau bukan kerana sayang,  
tidaklah tuan datang ke mari.

Apapun, di sebalik suasana kemesraan dan suasana santai jamuan malam itu, Abdullah menyampaikan amanat mengandungi beberapa mesej penting kepada pimpinan politik dan rakyat Sabah keseluruhannya.

Kepada pimpinan politik, beliau berterus-terang meminta mereka bekerja secara adil dan saksama sebagai wakil rakyat BN tanpa memilih bulu dan tidak mengangap hanya sebagai 'wakil rakyat Umno' atau 'wakil rakyat' PBS' dan sebagainya.

Ia penting bagi menentukan hasrat, matlamat dan wawasan kerajaan membangunkan rakyat mencapai kejayaan, selain sebagai menghargai sokongan yang diberikan rakyat ketika pilihan raya.

"Rakyat memberikan mandat besar kepada BN, justeru kita hendaklah memenuhinya dengan memberikan khidmat terbaik selain bersikap amanah dalam menjalankan tugas," katanya.

Tidak lupa beliau mengingatkan setiap wakil rakyat, baik Ahli Parlimen atau Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) supaya menghantar laporan prestasi terus kepadanya setiap tiga bulan.

Kepada rakyat, Abdullah mengulangi peringatannya supaya semua orang bekerja bersama-samanya dan bukan untuknya.

Beliau yakin jika ia menjadi amalan bersama, apa pun yang dihasratkan kerajaan akan dapat dicapai, termasuk Wawasan 2020 diyakini mampu direalisasikan lebih awal sekiranya setiap rakyat bertekad melakukan kerja mereka dengan cemerlang.

Namun, beliau mengakui Wawasan 2020 bukan mudah untuk dicapai kerana banyak cabaran perlu ditempuhi yang menuntut semua orang mempunyai keazaman, kesungguhan serta kemampuan tinggi.

Sebab itu, beliau mengumpamakan perjuangan mencapainya seperti pendakian sebuah bukit dan 'bukan berjalan di atas tanah rata yang tiada apa-apa cabaran untuk dilepasi sehingga sampai ke destinasi.

Khabar gembira yang dibawa Abdullah buat Sabah ialah komitmennya untuk tidak meminggirkan negeri itu daripada arus perdana pembangunan meliputi semua aspek, termasuk pendidikan.

Satu daripada yang ditekankannya ialah usaha membasmi kemiskinan tegar di Sabah yang disasar untuk dihapuskan dalam tempoh lima tahun, iaitu jangka masa sama yang ditetapkan di peringkat Pusat.

Kenyataan itu mendapat tepukan tetamu yang hadir, sesuatu yang juga mungkin menggambarkan harapan tinggi mereka.

Sememangnya menjadi harapan rakyat yang memberi sokongan kuat pada pilihan raya lalu kepada pemimpin yang dipilih 'membalas budi' kerana kemenangan dari jawatan yang disandang wakil rakyat bukanlah sesuatu yang dijadikan kebanggaan semata-mata.

Rakyat tidak mahu pemimpin taksub atau hipokrit, sebaliknya berkehendakkan mereka yang jujur, amanah dan komited berkhidmat.

Kepada sekalian mereka yang bergelar 'Yang Berhormat' diharapkan peringatan Perdana Menteri itu dijadikan iktibar dan tidak mengabaikan tanggungjawab serta janji dalam manifesto pilihan raya lalu.

Jika wakil rakyat gagal dalam tugas, yang dikecam rakyat adalah kepemimpinan BN keseluruhannya dan jika dibiarkan berterusan, padanya mereka akan menghukum parti pada masa depan.

Maka adalah penting bagi setiap wakil rakyat memanfaatkan kekuatan yang dimiliki untuk membawa pembangunan kepada rakyat, bermula di kawasan diwakili dan kemudian kepada negeri keseluruhannya.

Dalam konteks Sabah, rakyat memberikan kemenangan cukup gemilang kepada BN - sesuatu yang bersejarah sepanjang

kegiatan berpolitik dan ia adalah simbolik keinginan rakyat mahukan kemajuan.

Dalam pilihan raya lalu, BN menyapu 59 daripada 60 kerusi DUN dan Parlimen pula memenangi 24 daripada 25 kerusi. Tiada parti pembangkang memenangi sebarang kerusi, manakala kerusi tunggal DUN dan Parlimen dimenangi calon Bebas.

Dengan ditunjungi sembilan parti komponen, BN Sabah sememangnya kini sudah berakar teguh dan sukar ditumbangkan oleh rempuhan angin perubahan. Ia dibuktikan rakyat Sabah, terdiri lebih 32 suku etnik, yang kini bersatu dan sama-sama berpayung di bawah panji-panji BN.

Seperti diuraikan Musa dalam ucapan mengalu-alukan kedatangan Abdullah pada jamuan kesyukuran itu, rakyat pelbagai kaum dan agama di Sabah kini berdiri teguh di belakang BN sebagaimana dibuktikan dengan kemenangan cemerlang dalam pilihan raya negeri Mac lain.

Baginya, semangat faham memahami dan hormat menghormati di antara rakyat pelbagai kaum, budaya dan agama di negeri ini terutama di kalangan anggota BN semakin mantap selepas pilihan raya lain.

"Ini membantu memperteguhkan lagi ikatan persahabatan dan semangat muhibah yang menjadi teras kejayaan Malaysia untuk gemilang seperti yang kita nikmati hari ini," katanya.

Sambil itu, Musa yang juga Pengerusi BN Sabah memberi jaminan BN negeri akan meneruskan budaya berkhidmat dan menutamakan kebajikan rakyat serta mengetepikan kepentingan peribadi.

Kami sentiasa berusaha untuk mewujudkan suasana muafakat dan bekerja dalam sebuah pasukan," katanya sambil mengakui sudah menterjemahkannya dalam konteks pembentukan dan pelaksanaan fungsi anggota Kabinet negeri dan pimpinan politik serta perkhidmatan awam.

Hakikatnya, kunjungan singkat Abdullah ke Sabah kelmarin membawa harapan besar buat pemimpin dan rakyat Sabah yang mahukan negeri itu maju membangun sendang negeri lain.

Khabarnya, dalam pertemuan secara berasingan dengan Badan Perhubungan Umno negeri dan wakil rakyat BN kelmarin, Abdullah dalam amanatnya memberi penekanan kepada soal memberi perkhidmatan terbaik kepada rakyat yang memberikan kemenangan dan kekuatan.

Sebenarnya, itulah juga inti pati kenyataannya ketika ditanya pemberita selepas pertemuan mereka dalam dewan tertutup di hotel itu.

Apa yang diharapkan Perdana Menteri ialah supaya semua pihak bersama-sama berusaha memajukan negara selain menterjemahkan segala hasrat dan agenda sebagaimana digariskan kerajaan.